

SIARAN MEDIA



SIRIM RAIKAN ANAK ASNAF DAN WARGA EMAS PADA MAJLIS IFTAR KUMPULAN

SHAH ALAM, 16 Mei 2019: SIRIM Berhad, sebuah agensi penyelidikan dan teknologi utama negara hari ini menceriaikan sambutan Ramadan dengan meraikan 50 orang anak asnaf dari Baitul Hasanah Lembaga Zakat Selangor dan 15 orang warga emas dari Bait Al-Mawaddah Lembaga Zakat Selangor, pada Majlis Iftar Kumpulan SIRIM di sini.

Majlis turut disertai ahli Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan SIRIM, agensi- agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan seramai 300 orang anggota kerja Kumpulan SIRIM itu.

Pada majlis itu, sumbangan bernilai RM7,500.00 diserahkan kepada Baitul Hasanah Lembaga Zakat Selangor selain peralatan dan kelengkapan sekolah untuk anak-anak asnaf di situ manakala sebanyak RM3,300.00 disumbangkan kepada warga emas Bait Al-Mawaddah Lembaga Zakat Selangor serta kuih raya.

Sumbangan disampaikan oleh Pengerusi SIRIM, Tan Sri Dr. Ahmad Tajuddin Ali. Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Pelaburan) MITI, Hairil Yahri Yaacob dan Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan SIRIM, Prof Ir. Dr Ahmad Fadzil Mohamad Hani.

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan SIRIM, Prof Ir. Dr Ahmad Fadzil Mohamad Hani, di dalam ucapannya berkata beberapa program bagi menyemarakkan Ramadan telah diadakan di SIRIM antaranya agihan kurma, ceramah perdana pada setiap hari Jumaat serta program tazkirah Ramadan setiap waktu Zohor di surau SIRIM.

“Pada bulan yang mulia ini juga SIRIM turut menganjurkan Program Sumbangan Bungkus Raya bagi menggalakkan anggota kerja menyumbang kepada golongan yang kurang bernasib baik dalam menyambut Aidilfitri nanti,” katanya.

Majlis Iftar Kumpulan SIRIM adalah aktiviti tahunan yang diadakan bagi mengimarahkan bulan Ramadan. Pada majlis itu, bacaan Al Quran turut diperdengarkan manakala solat Maghrib berjemaah telah diimamkan oleh Ketua Jabatan Pengurusan Institusi, Divisyen Pembangunan Asnaf, Lembaga Zakat Selangor, Ustaz Md Yusmizan Yusuf.

###



Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan SIRIM, Prof. Ir Dr Ahmad Fadzil Mohamad Hani, menyampaikan sumbangan kepada salah seorang warga emas dari Bait Al Mawaddah sambil disaksikan oleh Pengerusi SIRIM, Tan Sr Dr Ahmad Tajuddin Ali.



SIRIM telah meceriakan sambutan Ramadan dengan meraikan 50 anak asnaf dari Baitul Hasanah dan 15 warga emas dari Bait Al Mawaddah pada Majlis Iftar Kumpulan SIRIM yang diadakan pada 16 Mei 2019 di Ibu Pejabat SIRIM, Shah Alam.